

(R)

**HUKUMAN DAN PEMULIHAN PESALAH JUVENIL  
DI MALAYSIA: SATU ANALISIS DARIPADA  
PERSPEKTIF ISLAM**

**NORRAZANAH BINTI IBRAHIM**

**DISERTASI INI ADALAH SEBAHAGIAN DARIPADA  
KEPERLUAN KURSUS IJAZAH SARJANA SYARIAH  
SESI 2002/2003**

**JABATAN SYARIAH DAN UNDANG-UNDANG  
BAHAGIAN PENGAJIAN SYARIAH  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
FEBRUARI 2002**

Perpustakaan Universiti Malaya



A509837314

## KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
KANDUNGAN	i
PENGHARGAAN	vii
ABSTRAK	ix
<i>ABSTRACT</i>	x
SINOPSIS	xi
KAEDAH TRANSLITERASI	xiv
SENARAI KEPENDEKAN	xvi
SENARAI STATUT	xvii
SENARAI JADUAL	xviii
SENARAI LAMPIRAN	xix
PENDAHULUAN	xx
Latarbelakang Kajian	xx
Objektif Kajian	xxiii
Kepentingan Kajian	xxiv
Skop Kajian	xxv
Hipotesis Kajian	xxvi
Metodologi Kajian	xxviii
Kajian-kajian Lepas	xxxii
Masalah Kajian	xxxiv

## **BAB PERTAMA: SENARIO JENAYAH DI KALANGAN JUVENIL DI MALAYSIA**

1.0: Pendahuluan	1
1.1: Tafsiran Jenayah Menurut Undang-undang Dan Syarak	2
1.2: Masalah Jenayah Di Kalangan Juvenil Secara Umum	4
1.3: Pengertian Pesalah Juvenil Menurut Undang-undang	6
1.4: Jenis-jenis Jenayah Yang Melibatkan Juvenil	8
1.5: Kategori Pesalah Juvenil Di Malaysia	13
1.5.1: Kategori Mengikut Umur	14
1.5.2: Kategori Mengikut Jantina	16
1.5.3: Kategori Mengikut Bangsa	18
1.6: Kesimpulan	21
<b>Nota Hujung</b>	<b>23</b>

## **BAB KEDUA: FAKTOR-FAKTOR PENGLIBATAN JUVENIL DALAM JENAYAH**

2.0: Pendahuluan	25
2.1: Faktor-faktor Pendorong Penglibatan Juvenil Dalam Jenayah	25
2.1.1: Faktor Diri	26
2.1.2: Faktor Keluarga	30
2.1.3: Faktor Rakan Sebaya	33
2.1.4: Faktor Pendidikan	35
2.1.5: Pengaruh Media Massa	39
2.2: Kesimpulan	42

<b>Nota Hujung</b>	<b>43</b>
--------------------	-----------

## **BAB KETIGA: KONSEP HUKUMAN DAN PEMULIHAN PESALAH JUVENIL DI MALAYSIA**

3.0: Pendahuluan	46
3.1: Konsep Hukuman Dan Pemulihan Pesalah Menurut Undang-undang	47
3.2: Pertimbangan Dalam Menentukan Hukuman Terhadap Pesalah Juvenil Di Malaysia	53
3.3: Bentuk-bentuk Hukuman Ke Atas Pesalah Juvenil Di Malaysia	55
3.3.1: Bentuk-bentuk Hukuman Menurut Akta Mahkamah Juvana 1947	56
3.3.2: Bentuk-bentuk Hukuman Yang Pernah Diputuskan Oleh Mahkamah	62
3.3.3: Bentuk-bentuk Hukuman Ke Atas Pesalah Jenayah Di Kalangan Juvenil	68
3.4: Kesimpulan	70
<b>Nota Hujung</b>	<b>72</b>

## **BAB KEEMPAT: PEMULIHAN AKHLAK PESALAH JUVENIL DI MALAYSIA**

4.0: Pendahuluan	75
4.1: Pemulihan Akhlak Pesalah Juvenil Di Malaysia	75
4.2: Institusi Pemulihan Akhlak Juvenil Di Bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKMM)	78
a) Asrama Akhlak atau Rumah Tahansentara	80
b) Sekolah Akhlak	81
c) Pusat Perlindungan Wanita Dan Gadis	83

4.2.1: Sekolah Tunas Bakti Sungai Besi, Kuala Lumpur (STBSB) Dan Program Pemulihan Akhlaknya	84
a) Pendidikan Akademik Secara Formal	87
b) Latihan Vokasional	88
c) Latihan Jasmani Dan Rawatan Kesihatan	89
d) Latihan Agama Dan Moral	90
e) Lain-lain	91
4.3: Institusi Pemulihan Akhlak Juvenil Di Bawah Jabatan Penjara Malaysia (JPM)	94
4.3.1: Sekolah Henry Gurney Telok Mas, Melaka (SHGTM) Dan Program Pemulihan Akhlaknya	96
4.4: Penilaian Soalselidik Dan Observasi Di STBSB Dan SHGTM	107
4.5: Kesimpulan	115
<b>Nota Hujung</b>	116

## **BAB KELIMA: KONSEP HUKUMAN DAN PEMULIHAN PESALAH JUVENIL MENURUT ISLAM**

5.0: Pendahuluan	120
5.1: Hukuman Dan Pemulihan Pesalah Di Dalam Islam-Konsep Dan Matlamat	120
5.2: Pesalah Juvenil Menurut Islam	129
5.3: Elemen-elemen Yang Menentukan Hukuman Terhadap Pesalah Menurut Islam	132
5.4: Hukuman Ke Atas Pesalah Juvenil Di Dalam Islam	136
5.4.1: Jenis-jenis Kesalahan Di Dalam Islam	137
5.4.2: Hukuman-hukuman Ke Atas Pesalah Juvenil Di Dalam Islam a) Kesalahan <i>Hudūd</i>	138 139

b) Kesalahan <i>Qisāṣ</i> Dan <i>Diyāt</i>	142
c) Kesalahan <i>Ta'dhir</i>	144
5.5: Modul Pemulihan Bekas Pesalah Yang Selaras Dengan Islam	145
a) Pendidikan Mengenal al Quran	146
b) Sembahyang Dan Doa	148
c) Zikir	150
5.6: Kesimpulan	151
<b>Nota Hujung</b>	152

**BAB KEENAM: ANALISIS HUKUMAN DAN PEMULIHAN  
PESALAH JUVENIL DI MALAYSIA- PENILAIAN DARIPADA  
PERSPEKTIF ISLAM**

6.0: Pendahuluan	157
6.1: Analisis Hukuman Terhadap Pesalah Juvenil Di Malaysia	158
a) Proses Pra-hukum	158
b) Proses Dalam Memberi Hukuman	160
6.2: Analisis Pemulihan Pesalah Juvenil Di Malaysia	163
6.3: Penilaian Islam Terhadap Hukuman Dan Pemulihan Pesalah Juvenil Di Malaysia	172
<b>Nota Hujung</b>	181

**BAB KETUJUH: RUMUSAN KAJIAN DAN PENUTUP**

7.1: Rumusan Kajian	182
7.2: Saranan	187
1) Kesungguhan Dan Komitmen	188

2) Mantapkan Undang-undang	189
3) Seimbangkan Pendidikan Vokasional Dan Agama	190
4) Perluaskan Program Terapi	191
5) Hapuskan Diskriminasi	192
6) Tingkatkan Kesedaran Awam	193
7.3: Kesimpulan Dan Penutup	194

## BIBLIOGRAFI

## LAMPIRAN

## **PENGHARGAAN**

Alhamdulillah, segala puji diucapkan kepada Allah s.w.t yang maha pemurah dan maha penyayang, juga selawat dan salam ke atas junjungan Rasulullah s.a.w, para sahabat, tabi'in serta sekalian muslimin dan muslimat.

Syukur kepada Allah s.w.t yang telah memberi peluang dan mengizinkan penulis menyiapkan kajian ini, walaupun terpaksa menempuh pelbagai halangan dan rintangan. Ribuan terima kasih diucapkan kepada bekas penyelia, Profesor Dato' Dr Mahfodz bin Mohamad di atas segala bimbingan yang diberikan, juga kepada Puan Siti Zubaidah binti Ismail, penyelia yang banyak memberi nasihat dan tunjuk ajar kepada penulis dalam menyiapkan kajian ini. *Syukran Jazīlā*.

Sekalung penghargaan kepada suami yang banyak memberi semangat, berkorban dan membantu, Ayah, Wan dan Mak yang banyak memberi dorongan dan sokongan moral, Farah, Za dan seluruh keluarga yang sentiasa mendoakan kejayaan penulis, juga anak-anak yang memahami, Nabeel, Adeeb dan Ilham. Kepada rakan-rakan seperjuangan, Ani dan Che Ros, semoga kita sama-sama berjaya di dunia dan akhirat. Buat Dieha, Mazni, Kak Siti, Asmak, Zan, Arni dan rakan-rakan yang telah berjaya, tahniah buat kalian. Buat Kak Zaridah, Kak Noriah, Ain dan lain-lain, terima kasih atas segala pertolongan.

Sekalung penghargaan juga kepada SAC II Tuan Hashim Sharat, Ketua Inspektor Rasdi Ramli, Inspektor Shahidi, Encik Omar dan lain-lain di Bukit Aman, Encik Fayrouz Ahmad Zawawi serta pegawai dan kakitangan Ibu Pejabat Penjara Bukit Wira, Puan Grace serta

pegawai dan kakitangan JKMM, Puan Roszianayati, Puan Jamilah dan Encik Peter Rogers dari Mahkamah Juvana Kuala Lumpur, Tuan Haji Mahayuddin, Encik Ishak, Encik Ahmad dan para pegawai di Sekolah Henry Gurney Telok Mas, Melaka, Encik Shahrani Yusuf dan para pegawai di Sekolah Tunas Bakti Sungai Besi, serta individu-individu lain yang banyak memberi sumbangan dan kerjasama dalam melengkapkan kajian ini.

Semoga Allah memberi ganjaran yang sewajarnya sebagai balasan segala budi baik kalian.

*Syukran.*

Ikhlas,

NORRAZANAH IBRAHIM

92, Jalan BK 5/8E

Bandar Kinrara

47100 Puchong, Selangor.

## **ABSTRAK**

Jenayah merupakan antara masalah sosial yang amat ditakuti oleh semua. Ia menggambarkan ketidakharmonian dalam sesebuah masyarakat dan negara, terutamanya apabila kehidupan terancam oleh perbuatan jenayah yang dilakukan. Peningkatan jenayah yang berlaku, terutamanya yang melibatkan golongan juvenil, amat mendukacitakan dan membimbangkan. Peningkatan kadar jenayah ini juga menghairankan banyak pihak, memandangkan pada masa yang sama terdapat banyak statut yang telah digubal, umpama Kanun Keseksaan, Akta Dadah Berbahaya 1952 dan Akta Mahkamah Juvana 1947, bertujuan untuk membendung perbuatan jenayah. Persoalan timbul sama ada masalah jenayah juvenil meningkat disebabkan statut-statut tersebut kurang berkesan untuk menanganinya, atau golongan juvenil itu sendiri kurang terdidik dengan sempurna atau ada sebab-sebab lain.

Kajian ini bertujuan melihat gambaran sebenar masalah jenayah yang berlaku, di samping turut meninjau bentuk-bentuk hukuman dan pemulihan yang dijalankan ke atas pesalah juvenil di negara ini. Satu perbandingan hukuman dan pemulihan pesalah juvenil akan dilihat daripada perspektif Islam. Ia bertujuan bagi memantapkan lagi hukuman dan pemulihan yang sedia ada dalam usaha untuk melahirkan generasi berakhhlak dan bebas daripada masalah sosial.

### ***ABSTRACT***

*Crime is a heinous social problem. It reflects disharmony in a society or a country as one is threatened by criminal behaviours. The increasing number of criminal cases, particularly those that are perpetrated by juveniles are alarming. Despite laws and regulations such as Penal Code, Dangerous Drugs Act 1952 and Juvenile Courts Act 1947 been enacted to control the situation, the increasing trend of juvenile crime has caused anxiety in various strata of the society. It could not be ascertained whether these problems are due to the inefficacy of laws or lack of education or any other reasons.*

*This study intends to look into the hard facts of the juvenile crimes and to survey the types of punishments and the rehabilitation of juvenile criminals in this country. A comparative analysis is also undertaken between punishments and rehabilitation from Islamic viewpoints. It attempts to strengthen the current punishment and rehabilitation as well as to build up good generations in future, far from any social problems in their lives.*

## SINOPSIS

Kajian ini mengandungi 7 bab yang diringkaskan sebagai berikut:

**Bab Pertama:** Kajian dimulakan dengan mengimbau senario jenayah yang berlaku di dalam masyarakat juvenil di negara ini. Masalah jenayah di kalangan juvenil dikatakan sering meningkat saban tahun dan dapat dilihat berdasarkan laporan media massa dalam negara. Bagi melihat sejauh mana kebenaran dakwaan ini, kajian akan meninjau laporan statistik kesalahan-kesalahan yang melibatkan golongan juvenil, berdasarkan rekod-rekod dari Jabatan Siasatan Jenayah di Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia, Bukit Aman dan Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia.

**Bab Kedua:** Kajian diteruskan dengan menyelidik faktor-faktor yang mendorong dan merangsang seseorang juvenil terjebak dalam masalah delinkuen. Faktor-faktor ini adalah saling berkait antara satu sama lain lalu membentuk juvenil yang bermasalah dalam hidup mereka sehingga menjadi pesalah jenayah yang terpaksa menjalani pemulihan di pusat-pusat pemulihan akhlak dalam negara.

**Bab Ketiga:** Bab ini diteruskan dengan perbincangan mengenai konsep hukuman dan pemulihan pesalah juvenil di negara ini. Perbincangan juga menyentuh mengenai bentuk-bentuk hukuman dan pemulihan yang dilaksanakan ke atas pesalah juvenil seperti yang diperuntukkan di dalam Akta Mahkamah Juvana 1947 dan direalisasikan di mahkamah-mahkamah juvana di seluruh negara. Ini bagi melihat kategori hukuman yang paling banyak

melibatkan pesalah juvenil, sejajar dengan jenis-jenis kesalahan yang paling banyak dilakukan.

**Bab Keempat:** Sebagai kesinambungan kepada hukuman-hukuman yang telah ditetapkan, bab ini diteruskan dengan perbincangan mengenai aspek-aspek pemulihan akhlak bekas pesalah juvenil di negara ini. Perbincangan difokuskan kepada pemulihan akhlak yang dilaksanakan di Sekolah Tunas Bakti dan Sekolah Henry Gurney yang menempatkan bekas-bekas pesalah juvenil yang pernah terlibat dalam kesalahan moral dan jenayah. Namun memandangkan terdapat banyak Sekolah Tunas Bakti dan Sekolah Henry Gurney dalam negara, sampel bentuk pemulihan dalam kajian ini dibuat di Sekolah Tunas Bakti Sungai Besi sebagai gambaran pemulihan akhlak yang dikendalikan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia, dan di Sekolah Henry Gurney Telok Mas, Melaka sebagai gambaran pemulihan akhlak yang dikendalikan oleh Jabatan Penjara Malaysia.

**Bab Kelima:** Bab ini akan menjelaskan mengenai bentuk-bentuk hukuman dan pemulihan yang terdapat di dalam Islam terhadap pesalah yang berstatus juvenil, juga pengertian juvenil daripada perspektif Islam. Ia bagi membuat perbandingan dengan bentuk-bentuk hukuman dan pemulihan pesalah juvenil yang sedia ada masakini.

**Bab Keenam:** Dalam bab ini, hukuman dan pemulihan pesalah juvenil di negara ini akan dianalisis bagi meninjau bentuk-bentuk kekurangan yang wujud, terutamanya dalam menangani peningkatan masalah jenayah di kalangan juvenil. Analisis ini juga dilihat

daripada perspektif Islam bagi tujuan mewujudkan suatu hukuman dan pemulihan alternatif untuk diserapkan dalam hukuman dan pemulihan yang ada.

**Bab Ketujuh:** Bab ini akhirnya akan meliputi rumusan keseluruhan kajian yang telah dijalankan. Seterusnya dikemukakan beberapa saranan untuk diaplikasikan bagi memantapkan lagi hukuman dan pemulihan terhadap pesalah juvenil di negara ini.

## KAEDAH TRANSLITERASI

### 1) Konsonan

<u>Huruf Arab</u>	<u>Huruf Rumi</u>
ا	a
ب	b
ت	t
ث	th
ج	j
ح	h
خ	kh
د	d
ذ	dh
ر	r
ز	z
س	s
ش	sy
ص	§
ض	ɖ
ط	ʈ
ظ	ڙ
ع	'
غ	gh

ف	f
ق	q
ك	k
ل	l
م	m
ن	n
و	w
هـ	h
ءـ	'
يـ	y

## 2) Vokal

a. Pendek

a 

b. Panjang

ā 

c. Diftong

ay 

i 

i 

aw 

u 

ū 

**Catatan:** Perkataan-perkataan Arab yang telah dimelayukan tidak ditransliterasikan, seperti syarak, syariat, ulama dan al Quran.

## SENARAI KEPENDEKAN

Ejaan Singkat	Ejaan Asal
a.s	<i>'Alaihissalām</i>
Ibid	(ibidem) - pada tempat, kitab, fasal atau halaman yang sama
INMIND	Institut Perkembangan Minda
JKMM	Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia
JPM	Jabatan Penjara Malaysia
m.s	Mukasurat
op.cit	(Latin - opera citato) dalam rujukan yang telah diterangkan
r.a	<i>Radiallāhu'anhu</i>
RM	Ringgit Malaysia
s.a.w	<i>Sallallāhu'alaihiwasallam</i>
SHGTM	Sekolah Henry Gurney Telok Mas
STBSB	Sekolah Tunas Bakti Sungai Besi
s.w.t	<i>Subḥānahu'ālā</i>
sdn. bhd.	Sendirian Berhad
t.k	Tanpa kota
t.p	Tanpa pengarang
t.t	Tanpa tahun
vol.	Volume

## **SENARAI STATUT**

1. Akta Dadah Berbahaya 1952 (Akta 234)
2. Akta Kontrak 1950 (Akta 136)
3. Akta Mahkamah Juvana 1947 (Akta 90)
4. Akta Pendidikan 1996 (Akta 550)
5. Akta Perlindungan Kanak-kanak 1991 (Akta 468) Dan Peraturan-peraturan
6. Akta Perlindungan Wanita Dan Gadis 1973 (Akta 106)
7. Akta Umur Dewasa 1971
8. Kanun Keseksaan (Akta 574)

## **SENARAI JADUAL/GRAF**

JADUAL 1:	Jenis Jenayah Yang Melibatkan Juvenil Dari Tahun 1992-1999
JADUAL 2:	Statistik Penglibatan Juvenil Dalam Jenayah Mengikut Usia Dari Tahun 1992-1999
JADUAL 3:	Statistik Penglibatan Juvenil Dalam Jenayah Mengikut Jantina Dari Tahun 1992-1999
JADUAL 4:	Statistik Penglibatan Juvenil Dalam Jenayah Mengikut Bangsa Dari Tahun 1992-1999
JADUAL 5:	Peratus Peningkatan Dan Penurunan Jenayah Di Kalangan Juvenil Bukan Melayu Dari Tahun 1992-1999
JADUAL 6:	Bentuk-bentuk Hukuman Yang Diputuskan Di Mahkamah Dan Jumlah Pesalah Juvenil Yang Terlibat Dari Tahun 1993-1997
JADUAL 7:	Peratus Etnik Melayu Muslim Di STBSB (1992-1997)
JADUAL 8:	Populasi 1998 Keseluruhan Sekolah Henry Gurney
GRAF 1:	Peningkatan Dan Penurunan Bilangan Pesalah Juvenil Dari Tahun 1992-1999

## **SENARAI LAMPIRAN**

- A- "Sejarah Sekolah Tunas Bakti Sungai Besi, Kuala Lumpur"- artikel dari majalah STBSB, "Tunas".
- B- Risalah terbitan JKMM bertajuk "*Perkhidmatan Pemulihan Akhlak*"
- C- Risalah JKMM bertajuk "*Sekolah Tunas Bakti*"
- D- Seksyen-sekjen Di Dalam Kanun Keseksaan Berkennaan Jenayah Yang Melibatkan Juvenil
- E- Keratan-keratan akhbar
- F- Borang soalselidik

# PENDAHULUAN

## **PENDAHULUAN**

### **LATARBELAKANG KAJIAN**

Fenomena jenayah merupakan salah satu daripada masalah sosial yang berlaku di Malaysia. Ia tidak mengenal batas usia, bangsa atau agama. Fenomena ini amat menggerunkan masyarakat, kerana ia boleh menggugat hak-hak mereka dan juga mencabul keamanan di sesebuah tempat. Jenayah yang melibatkan golongan kanak-kanak dan remaja, atau dikenali juga sebagai juvenil, adalah antara isu yang hangat diperbincangkan kini. Ini berikutan peningkatan kadar jenayah yang berlaku hampir setiap tahun, yang sekaligus bererti meningkatnya bilangan pesalah daripada golongan juvenil.

Juvenil yang melakukan kesalahan jenayah biasanya dipanggil sebagai pesalah (iaitu berdasarkan status mereka yang masih di bawah umur), dan tergolong daripada kalangan mereka yang rosak akhlak dan memiliki sikap delinkuen, iaitu suka melanggar undang-undang yang tidak serius, atau melakukan perkara-perkara yang tidak diterima oleh masyarakat. Bermula daripada sikap tersebut, lama-kelamaan mereka terlanjur melakukan jenayah. Justeru itu

dikatakan bahawa, perbuatan jenayah merupakan kesinambungan daripada masalah keruntuhan akhlak yang berlaku.

Ramai penyelidik berpendapat bahawa seseorang pesalah jenayah sebenarnya tidak dilahirkan bersama-sama perbuatan jenayah mereka. Sebaliknya, seseorang menjadi pesalah jenayah disebabkan cetusan-cetusan keadaan yang berlaku di sekitar mereka. Perbuatan jenayah di kalangan juvenil, umpamanya, adalah berpunca daripada banyak perkara, terutamanya kegagalan pihak-pihak seperti ibu bapa, pemimpin, pendidik dan masyarakat memainkan peranan mereka dengan betul. Unsur-unsur lain seperti persekitaran, rakan sebaya dan seumpamanya hanya membantu menambahkan lagi punca masalah.

Berbagai-bagi usaha telah dilakukan oleh pihak berkuasa bagi membendung masalah jenayah di kalangan juvenil, terutamanya dengan menguatkuasakan hukuman ke atas pesalah tersebut, menujuhkan pusat-pusat pemulihan akhlak, mewujudkan kempen pencegahan jenayah di sekolah-sekolah dan di dalam masyarakat dan seumpamanya. Bagaimanapun, usaha-usaha yang dijalankan ini masih belum menunjukkan kesan positif, sebaliknya masalah jenayah terus dilaporkan meningkat.

Berdasarkan aspek hukuman dan pemulihan akhlak pesalah juvenil pula, ia tidak menjamin bekas pesalah benar-benar berubah serta memiliki akhlak yang baik, selain masih belum menunjukkan kecemerlangan, terutamanya dalam menghalang perbuatan jenayah di kalangan juvenil yang masih bebas di luar pusat pemulihan akhlak.

Kajian ini cuba mencari jalan penyelesaian kepada masalah jenayah di kalangan para juvenil, dengan membawa contoh bentuk-bentuk hukuman dan pemulihan seperti yang terdapat di dalam Islam. Ini memandangkan masalah jenayah di kalangan juvenil di negara ini banyak melibatkan mereka yang beragama Islam. Konsep hukuman dan pemulihan pesalah juvenil yang disarankan oleh Islam juga sesuai dipraktikkan terhadap pesalah yang bukan Islam kerana ia mengandungi unsur-unsur yang boleh membentuk peribadi yang baik pada diri seseorang. Ini akan dapat mencegah berlakunya perkara-perkara negatif seperti terjebak dalam masalah sosial dan jenayah.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini mempunyai beberapa objektif, antaranya:

- 1- Untuk melihat gambaran sebenar masalah jenayah yang berlaku di kalangan juvenil di negara ini. Ini kerana terdapat banyak laporan media massa yang menyatakan bahawa kejadian jenayah yang melibatkan juvenil semakin meningkat tahun demi tahun.
- 2- Untuk meninjau bentuk-bentuk hukuman yang dikenakan ke atas pesalah juvenil di negara ini, juga bagaimana pemulihan akhlak mereka dijalankan. Kajian akan melihat kepada penekanan-penekanan yang dibuat dalam program-program pemulihan akhlak bekas pesalah juvenil dan kesesuaianya dengan setiap pesalah.
- 3- Untuk melihat persamaan dan perbezaan bentuk hukuman dan pemulihan ke atas pesalah juvenil di antara dua bentuk sistem, iaitu sistem yang dipraktikkan di Malaysia dan sistem yang terdapat di dalam Islam.
- 4- Untuk mencari punca mengapa masalah yang berkaitan dengan golongan juvenil, terutamanya masalah jenayah kelihatan sukar untuk dibendung dan diatasi.
- 5- Untuk mencadangkan hukuman dan pemulihan alternatif bagi menampung kekurangan yang terdapat di dalam bentuk hukuman dan pemulihan

pesalah juvenil di negara ini, dengan tujuan memantapkan hukuman dan pemulihan sedia ada, sebagai satu inisiatif membendung masalah juvenil hari ini.

### **KEPENTINGAN KAJIAN**

Kajian ini mempunyai beberapa kepentingan, antaranya untuk:

- 1- Memberikan penjelasan sebenar masalah jenayah yang berlaku di kalangan juvenil daripada beberapa aspek, seperti kategori pesalah yang paling ramai terlibat, peningkatan dan penurunan jenayah, dan lain-lain lagi.
- 2- Menerangkan kesesuaian sesuatu hukuman dan pemulihan yang dijalankan ke atas pesalah juvenil di negara ini, dan sebaliknya.
- 3- Menjelaskan beberapa persamaan dan perbezaan hukuman dan pemulihan yang terdapat di dalam Islam dengan apa yang dipraktikkan sekarang.
- 4- Mencari penyelesaian kepada kekurangan yang wujud dalam bentuk hukuman dan pemulihan sekarang, dalam usaha menangani masalah sosial dan jenayah di kalangan juvenil.

## **SKOP KAJIAN**

Secara umumnya, kajian ini akan membuat tinjauan masalah jenayah yang membabitkan golongan juvenil di negara ini, dan beberapa faktor yang mendorong tindakan mereka. Fokus kajian ialah golongan juvenil yang telah ditangkap kerana disyaki terlibat dalam jenayah, dan mereka yang sedang menjalani program pemulihan di pusat-pusat pemulihan di Sekolah Tunas Bakti Sungai Besi, Kuala Lumpur dan Sekolah Henry Gurney Telok Mas, Melaka. Pemilihan kedua-dua pusat pemulihan ini adalah berdasarkan lokasi yang terdekat, di samping kedua-duanya adalah antara pusat pemulihan yang dikenali ramai di negara ini. Pemilihan Sekolah Tunas Bakti Sungai Besi bertujuan untuk meninjau modul pemulihan yang dikendalikan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKMM), manakala Sekolah Henry Gurney Telok Mas pula dipilih untuk meninjau modul pemulihan yang dikendalikan di bawah Jabatan Penjara Malaysia (JPM).

Skop kajian seterusnya ialah bentuk-bentuk hukuman ke atas pesalah juvenil menurut Akta Mahkamah Juvana 1947 dan Mahkamah Juvana, juga bentuk-bentuk pemulihan yang dijalankan di pusat-pusat pemulihan di bawah JKMM dan JPM. Bentuk-bentuk hukuman dan pemulihan ini akan dibandingkan

dengan bentuk-bentuk hukuman dan pemulihan pesalah juvenil yang terdapat di dalam Islam.

Akhirnya, kajian cuba menganalisis keupayaan hukuman dan pemulihan yang dijalankan sekarang dalam membendung masalah jenayah di kalangan juvenil. Beberapa cadangan turut dikemukakan bagi memantapkan hukuman dan pemulihan pesalah juvenil yang sedia ada, sebagai satu langkah menangani masalah jenayah juvenil di negara ini.

### **HIPOTESIS KAJIAN**

**Pertama:** Masalah jenayah di kalangan juvenil di negara ini pada zahirnya kelihatan sering mengalami peningkatan dan mencemaskan banyak pihak. Ini berdasarkan laporan media massa yang sentiasa memuatkan kes-kes jenayah yang dilakukan oleh golongan juvenil di seluruh negara. Walau bagaimanapun masih tidak nampak kesungguhan pihak polis bertindak menangani masalah ini.

**Kedua:** Seseorang juvenil yang terlibat dalam masalah sosial berpotensi menjadi pesalah jenayah. Kajian mengandaikan bahawa masalah delinkuen

dan jenayah adalah sebahagian daripada fenomena keruntuhan akhlak yang dialami muda-mudi hari ini.

**Ketiga:** Masalah jenayah di kalangan juvenil lebih banyak melibatkan juvenil lelaki daripada juvenil perempuan. Masalah ini juga banyak membabitkan mereka yang berketurunan Melayu dan beragama Islam.

**Keempat:** Hukuman dan pemulihan yang dijalani oleh bekas pesalah juvenil di negara ini masih belum dapat mencegah perbuatan jenayah di kalangan juvenil lain.

**Kelima:** Pemulihan pesalah juvenil di negara ini kurang memberi penekanan kepada pendidikan keagamaan atau pendidikan kerohanian, sedangkan ianya dapat memperbaiki akhlak dengan sempurna, sekaligus menghalang perilaku-perilaku negatif dalam diri mereka.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Antara metod yang digunakan di dalam kajian ini ialah:

a) **Metod Perpustakaan**

Kajian perpustakaan adalah antara metod yang penting dan paling banyak digunakan dalam kajian. Metod ini dilakukan dengan cara mengumpul data-data melalui pembacaan buku-buku, majalah, kertas-kertas kerja seminar, jurnal, akhbar dan beberapa bahan bacaan lagi. Kebanyakan bahan bacaan untuk melengkapkan metod ini didapati di perpustakaan-perpustakaan seperti Perpustakaan Utama, Perpustakaan Undang-undang, Perpustakaan Akademi Pengajian Islam, Perpustakaan Majalah dan Peringatan Za'aba di Universiti Malaya. Selain daripada itu, rujukan juga diperolehi daripada Perpustakaan Awam Pusat Islam, Kuala Lumpur dan Perpustakaan Ibu Pejabat Penjara Bukit Wira, Kajang. Antara data-data yang dikumpulkan daripada perpustakaan-perpustakaan ini ialah mengenai juvenil atau kanak-kanak dan remaja, faktor-faktor yang boleh mempengaruhi dan mendorong mereka terlibat dalam masalah sosial dan jenayah, bentuk-bentuk hukuman untuk pesalah juvenil dan pemulihan yang disarankan dalam Islam terhadap mereka, dan sebagainya.

b) Metod Observasi

Metod observasi digunakan bagi tujuan meninjau dan meneliti subjek kajian bagi mendapatkan gambaran yang jelas, tepat dan terperinci. Metod ini digunakan secara langsung dan tidak langsung di beberapa tempat kajian, seperti di Mahkamah Juvana Kuala Lumpur, Sekolah Tunas Bakti Sungai Besi, Kuala Lumpur dan Sekolah Henry Gurney Telok Mas, Melaka. Ia penting bagi tujuan melihat suasana sebenar yang berlaku kepada para juvenil yang didapati bersalah, dan mereka yang menjalani rawatan pemulihan akhlak di pusat-pusat pemulihan yang disediakan. Metod ini banyak digunakan dalam bab keempat bagi memperolehi maklumat aktiviti dan program pelatih di dua buah pusat pemulihan yang dinyatakan.

c) Metod Temubual/ Soalselidik

Temubual dan soalselidik digunakan sebagai satu alternatif mendapatkan maklumat tambahan mengenai topik kajian, terutamanya apabila sukar untuk mendapatkan bahan-bahan rujukan daripada sumber-sumber primer lain. Beberapa orang responden telah ditemubual dan disoalselidik secara formal

dan tidak formal bagi mendapatkan maklumat yang dikehendaki. Antara responden yang dipilih ialah Tuan Hashim Sharat, Penolong Pengarah Pendakwaan/Undang-undang, Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, Ketua Inspektor Rasdi Ramli, Pegawai Perhubungan Awam Bukit Aman, Encik Peter Rogers dan Puan Jamilah, penasihat Mahkamah Juvana Kuala Lumpur, para pegawai di Sekolah Tunas Bakti Sungai Besi (STBSB), Kuala Lumpur dan Sekolah Henry Gurney Telok Mas (SHGTM), Melaka, beberapa orang pelatih di STBSB dan SHGTM, dan pegawai di Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKMM). Soalan-soalan tidak formal yang dikemukakan secara umumnya berkisar tentang faktor-faktor yang mendorong juvenil melakukan jenayah, bentuk-bentuk hukuman dan pemulihan jenayah juvenil yang dilaksanakan di negara ini, kekurangan yang terdapat di dalamnya dan beberapa cadangan penyelesaian. Manakala soalan-soalan formal digunakan dalam soalselidik yang dikemukakan kepada pelatih-pelatih juvenil di STBSB dan SHGTM bagi mendapatkan jawapan mengenai punca penglibatan mereka dalam jenayah, dan kesan yang dirasai setelah menjalani beberapa tempoh pemulihan di pusat-pusat pemulihan tersebut.

#### d) Metod Penganalisisan Data

Metod penganalisisan data digunakan untuk menganalisis beberapa data yang dikumpulkan, seperti statistik-statistik yang didapati dari Jabatan Penjara Malaysia, Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia dan Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia di Bukit Aman. Statistik yang diperolehi adalah mengenai jumlah juvenil yang terlibat dalam jenayah dan kesalahan-kesalahan lain di Malaysia dari tahun 1992-1999, jenis-jenis hukuman dan jumlah juvenil yang terlibat di dalamnya, jumlah juvenil yang ditempatkan di pusat-pusat pemulihan seluruh negara dan lain-lain lagi. Selain daripada itu, data-data mengenai program-program pemulihan yang dijalankan di kedua-dua pusat pemulihan yang telah dinyatakan juga dikumpul untuk dianalisis. Setiap analisis dibuat melalui metod induktif, iaitu pengemukaan data yang bersifat khusus untuk dibuat kesimpulan umum, misalnya penganalisisan data-data statistik yang diperolehi, terutamanya dalam bab pertama, ketiga dan keempat. Analisis juga dibuat melalui metod deduktif, iaitu mengemukakan suatu pernyataan dan seterusnya menjelaskan bukti-bukti yang menjadi hujah kepada pernyataan tersebut. Metod ini digunakan dalam bab pertama sehingga bab keenam, khususnya untuk membuktikan hipotesis kajian, terutamanya mengenai punca-punca sikap delinkuen dan jenayah di kalangan juvenil,

juvenile yang mendominasi perbuatan jenayah dan cara terbaik dalam menangani masalah jenayah ini. Seterusnya analisis melalui metod komparatif, iaitu membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan terhadap data-data yang diperolehi ketika kajian dibuat, digunakan untuk menghuraikan sejauh mana keberkesanan hukuman dan program pemulihan ke atas pesalah juvenile yang dijalankan di negara ini dalam mencegah kes-kes ulangan, dan menangani masalah jenayah dalam negara.

### **KAJIAN-KAJIAN LEPAS**

Terdapat banyak kajian yang telah dijalankan mengenai juvenile yang lazimnya digelar sebagai kanak-kanak dan remaja oleh para pengkaji terdahulu. Ada di antara kajian ini yang telah dibukukan dan diterbitkan dan ada juga kajian yang tidak diterbitkan. Antara contoh kajian yang diterbitkan ialah seperti kajian yang dibuat oleh Alwi Hj Abdul Rahman (1999), dalam bukunya, *Jenayah Kanak-kanak Menurut Undang-undang Islam* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka) yang membincangkan mengenai status kanak-kanak yang melakukan jenayah dan hukuman yang relevan ke atas mereka menurut Islam. Seterusnya kajian mengenai juvenile juga telah dibuat oleh Ruth Strang (1952), dalam bukunya, *Facts About Juvenile Delinquency* (t.k.:

Science Research Associates), yang menerangkan mengenai faktor-faktor kenakalan seseorang juvenil.

Selain daripada kajian berbentuk buku, terdapat juga kajian dalam bentuk seminar dan ianya tidak diterbitkan, seperti *Seminar Kebangsaan Gejala Sosial 1995*, anjuran Sekolah Pembangunan Sosial, Universiti Utara Malaysia (suntingan Dr Mahmood Nazar Mohamed dan Hajah Sabitha Marican), dan juga *Seminar Pemantapan Akhlak Dan Moral Masyarakat Malaysia 1997*, anjuran Jabatan Dakwah Dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Kebanyakan perbincangan dalam seminar-seminar ini menyentuh mengenai peratusan penglibatan remaja dalam gejala sosial berasaskan usia dan keturunan, punca-punca terdedah dan terjebaknya mereka dalam kancang gejala sosial serta saranan-saranan bagi mengatasi masalah ini daripada terus merebak.

Ada juga kajian berbentuk latihan ilmiah yang tidak diterbitkan seperti kajian yang dijalankan oleh Norhashimah Hj Hashim, *Sekolah Pemulihan Akhlak Dalam Konteks Mahkamah Juvana: Satu Kajian Kes Sekolah Henry Gurney Melaka*, latihan ilmiah Fakuliti Undang-undang, Universiti Malaya (1989/90), juga kajian oleh Mazurah Abdul Kadir, *Hukuman Bagi Jenayah Juvana*

*Dalam Akta Mahkamah Juvana 1947 (Pindaan 1972):Satu Penilaian Menurut Perspektif Islam*, latihan ilmiah Fakulti Syariah, Universiti Malaya (1997), serta kajian oleh Saodah Abu Noh, *Keadilan Juvana:Masalah Dan Keberkesanan Pemulihian:Kajian Di Sekolah Tunas Bakti Sungai Lereh Melaka*, latihan ilmiah Fakulti Undang-undang, Universiti Malaya (1991), dan banyak lagi.

Walau bagaimanapun, kebanyakan kajian yang telah dijalankan lebih menjurus kepada faktor-faktor kenakalan seseorang juvenil, penahanan mereka di pusat-pusat pemulihian akhlak dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan di sana, serta menyentuh aspek hukuman dan pemulihian daripada satu sudut sahaja, terutamanya apa yang dipraktikkan di dalam negara sekarang.

## **MASALAH KAJIAN**

Memandangkan kajian ini melibatkan dua aspek, iaitu kajian perpustakaan dan kajian lapangan, banyak masalah yang telah dihadapi dan mengganggu kelancaran perjalanannya. Antara masalah tersebut ialah:

- 1) Kelambatan mendapatkan maklumbalas pihak-pihak yang ingin dihubungi untuk tujuan kajian, seperti pihak Mahkamah Juvana, pihak polis Bukit

Aman, pihak Ibu Pejabat Penjara Kajang dan pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat.

- 2) Permohonan untuk mendapatkan statistik jenayah pesalah juvenil dan lain-lainnya mengambil masa yang lama untuk diproses dan berperingkat-peringkat. Adakah statistik tersebut masih belum dikemaskinikan, dan terpaksa menunggu untuk beberapa lama.
- 3) Permohonan untuk membuat kajian di STB Sungai Besi dari pihak JKMM agak memakan masa untuk diproses dan diluluskan.
- 4) Permohonan untuk membuat kajian di Sekolah Henry Gurney pada mulanya ditolak. Atas nasihat Encik Peter Rogers dan Puan Jamilah, Penasihat Mahkamah Juvana, rayuan telah dibuat, dan pada kali ini, barulah ia diluluskan oleh pihak Jabatan Penjara Malaysia.
- 5) Kajian ke STB Sungai Besi dan SHG Telok Mas terpaksa mengambil masa yang sesuai memandangkan lokasinya berlainan. Di samping itu, ia juga memakan banyak tenaga dan wang.